

29/10/1998

Patten eksploitasi isu pecat Anwar

ALOR STAR, Rabu - Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid hari ini menyelar bekas Gabenor Hong Kong, Chris Patten yang disifatkannya mengeksploitasi isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi menagih populariti.

Beliau berkata, Patten diberikan tanggungjawab sebagai Gabenor Hong Kong berdasarkan kedudukannya sebagai ahli politik yang tidak popular di Britain.

Menurutnya, Patten terlupa bahawa Anwar mampu meraih ramai rakan di Barat berdasarkan kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan yang pada hakikatnya diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Anwar diletakkan pada kedudukannya oleh Perdana Menteri dan Anwar seharusnya berterima kasih kepada Dr Mahathir seperti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga popular di arena antarabangsa.

"Abdullah berterima kasih kepada Dr Mahathir yang meletakkan beliau sebagai Menteri Luar Negara yang menyebabkan beliau popular di luar negara.

"Oleh itu, Patten harus sedar bahawa Anwar popular kerana jawatan yang diberikan oleh Dr Mahathir," katanya selepas mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri, di sini hari ini.

Sanusi berkata demikian sebagai mengulas artikel tulisan Patten yang disiarkan oleh akhbar London Independent 11 Oktober lalu yang meminta masyarakat kewangan antarabangsa memberi sokongan kepada Anwar.

Dalam tulisannya, Patten menggambarkan Anwar sebagai simbol bagi Menteri Kewangan yang diperlukan dalam ekonomi global di negara membangun.

Sanusi juga berkata, beliau tidak terkejut dengan bantahan Pas Kedah terhadap cadangan pembinaan Universiti Perubatan Malaysia di Semeling, dekat Sungai Petani yang diusahakan oleh MIC.

"Projek itu tidak ada kena mengena dengan candi Hindu purba seperti yang dibantah oleh Pas. Kerja membangkang ini memang kerja Pas," katanya.

Dalam kenyataannya yang dikeluarkan di sini semalam, Ketua Penerangan Pas Kedah, Suhaimi Ahmad berkata, Pas meragui niat MIC memilih Semeling untuk pembinaan universiti itu.

Menurutnya, Pas bimbang jika kawasan itu disalah guna oleh MIC kerana di kawasan berkenaan ada sebuah candi Hindu purba.

(END)